



JUARA: Awang Hadwanizam bin Awang Dahir yang merupakan Juara Pertandingan Bacaan Al-Fatihah.

Pertandingan Azan dan Bacaan Al-Fatihah KKTU secara dalam talian dapat sambutan

UB 27.11.2020 P.4

Oleh: **Abd. Nadzir bin Shafiq**

KOTA KINABALU: Penularan wabak pandemik COVID-19 tidak menghalang Ecoo Kerohanian Kolej Kejuruteraan Tun Mustapha (KKTU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) daripada menganjurkan Pertandingan Azan dan Bacaan Al-Fatihah sempena Sambutan Maulidur Rasul KKTU 2020 secara atas talian baru-baru ini bagi menghayati Hasi Keguruan Rasulullah S.A.W.

Program yang bertajuk kepada semua mahasiswa UMS mendapat sambutan yang sangat baik daripada para pelajar UMS.

Program di bawah Ecoo Kerohanian KKTU UMS ini mendapat seliaan daripada Kapten Nik Mohamad Rizki Hakin Rokman selaku Telo Ecoo Kerohanian KKTU.

Pengurus Kolej, Kol Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Mohamad Nizam Muzardin yang ditemui mengucapkan tahniah atas pengajuran yang sungguh bermakna ini secara atas talian dan mencapai objektif program ini untuk mencergai baki mahasiswa UMS dalam menghafal azan dan membaca Al-Fatihah.

Menurut beliau lagi, dalam Islam, azan adalah sunat muakad (sangat digalakkan) dan merupakan kaedah yang digunakan untuk merandakan masuknya waktu solat dan sebagai tanda seruan untuk mengajak orang Islam memulakan solat di secara berjemaah di masjid.

Surah Al-Fatihah pula merupakan surah per-

tama di dalam al-Quran dan setiap orang Islam wajib membacanya dengan tajwid yang betul di dalam setiap rakan solat.

Justeru itu, pertandingan ini juga dilaksanakan agar peserta dapat mempersembahkan bacaan Al-Fatihah dan azan dengan indah dan merdu dengan menggunakan asas tarannum (jenis bacaan) pilihan seperti Beryata, Hijir, Mahmud, Rasi, Seba, Shih dan Jibrikah.

Pengarah Program Sambutan Maulidur Rasul KKTU 2020, Puteri Zulnur Hasyizwanie berkata, pelaksanaan Pertandingan Bacaan Al-Fatihah dan Azan secara dalam talian adalah kaedah yang terbaik di dalam situasi semasa negara dianda wabak COVID-19 dan ia memberi banyak ilmu pengetahuan kepada pelajar bahasa terutama jenis tarannam yang dapat digunakan di dalam Al-Fatihah dan azan.

Selain itu ia juga dapat meningkatkan keyakinan diri para peserta dalam mempersembahkan soalnya. Hadiah berupa wang tunai dan sijil juga disediakan untuk memotivasi peserta.

Johan pertandingan azan dimenangi Mohd Hafizuddin Syahmi Rizki, manakala johan membaca Al-Fatihah dimenangi oleh Awang Hadwanizam Awang Dahir manakala manakala johan dimenangi Mohd Hafizuddin Syahmi Rizki dan tempat ketiga dimenangi oleh Mohd Farid Bahari.

Sementara itu, pertandingan bacaan Al-Fatihah dimenangi oleh Awang Hadwanizam Awang Dahir manakala manakala johan dimenangi Mohd Hafizuddin Syahmi Rizki dan tempat ketiga dimenangi oleh Mohd Farid Bahari.